

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA ANGKAT MARTABAT MANUSKRIP MELAYU KE PERINGKAT DUNIA: PENGIKTIRAFAN UNESCO TERHADAP KARYA HAMZAH FANSURI

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus melakar kecemerlangan dalam melestarikan warisan intelektual bangsa apabila dua manuskrip Melayu karya agung Hamzah Fansuri, tokoh sufi dan sasterawan Nusantara abad ke-16, diiktiraf sebagai Dokumen Warisan Dunia oleh UNESCO melalui Program Memory of the World (MoW) pada 17 April 2025. Dua manuskrip koleksi PNM tersebut ialah *Asrār al-‘Ārifīn* (MSS 1424 (B)) dan *Syarāb al-‘Āsyiqīn* (MSS 2538). Pengiktirafan ini merupakan hasil kerjasama pencalonan bersama PNM dan Perpustakaan Nasional Indonesia (PERPUSNAS) melalui manuskrip *Syair Hamzah Fansuri* (ML 83) dan *Syair Anak Dagang* (NB 2165) dan telah mengukuhkan kedudukan manuskrip Melayu sebagai sebahagian penting daripada khazanah dokumentari global.

Program *Memory of the World* (MoW): Perlindungan Warisan Dokumentari Dunia

Dilancarkan pada 1992, Program Memory of the World (MoW) UNESCO bertujuan melindungi, memelihara, dan mempromosikan warisan dokumentari dunia — meliputi manuskrip, arkib, dan rekod sejarah bernilai tinggi dari seluruh dunia. Program ini memastikan bahan yang menjadi asas kepada sejarah dan tamadun manusia dapat diakses oleh generasi kini dan akan datang. Pengiktirafan MoW bukan sekadar penghormatan, tetapi juga pemangkin kepada peningkatan usaha konservasi, pendigitalan, serta penyelidikan ilmiah terhadap bahan dokumentari.

Dengan pengiktirafan terbaharu ini, PNM menambah satu lagi kejayaan selepas *Hikayat Hang Tuah* (2001), *Koleksi Cerita Panji* (2017) dan *Misa Melayu* (2023). Rekod cemerlang ini menempatkan Malaysia antara negara paling aktif di Asia Tenggara dalam usaha pemuliharaan warisan dokumentari menurut piawaian antarabangsa.

Pengaruh dan Legasi Hamzah Fansuri dalam Kesusasteraan dan Pemikiran Melayu

Hamzah Fansuri merupakan tokoh perintis dalam penulisan tasawuf Melayu dan individu yang mempelopori penggunaan bentuk syair dengan skema rima a-a-a-a. Beliau juga antara penulis Melayu terawal yang menampilkan namanya dalam karya, suatu kelainan penting dalam tradisi kesusasteraan klasik yang biasanya tidak menzahirkan identiti pengarang.

Beliau meninggalkan legasi yang sangat besar dalam kesusasteraan dan pemikiran Islam di Nusantara. Karya-karyanya bukan sahaja menjadi sumber rujukan utama dalam kajian sufisme Melayu, tetapi juga menjadi model penulisan dalam bahasa Melayu klasik yang mempengaruhi generasi penulis dan ulama selepasnya. Pemikiran beliau terus dikaji dan diapresiasi oleh para sarjana dan intelektual hingga ke hari ini, menunjukkan betapa relevannya ajaran dan karya Hamzah dalam konteks sejarah dan budaya Melayu. Legasi Hamzah Fansuri kekal sebagai sumber inspirasi,

bukan sahaja dalam bidang kesusasteraan dan pemikiran Islam, tetapi juga dalam usaha melestarikan warisan budaya Melayu demi generasi masa depan.

Karya-karya Tersohor

Manuskrip karya Hamzah Fansuri kini ditemui di pelbagai perpustakaan dan institusi di Malaysia, Indonesia, Belanda serta sejumlah pusat akademik lain, baik di dalam mahupun di luar negara. Antara karya beliau yang paling dikenali ialah:

- *Syair Perahu*
- *Syair si Burung Pungguk*
- *Syair si Burung Pingai (burung pipit)*
- *Syair Dagang*
- *Asrār al-Ārifīn*
- *Syarāb al-Āsyiqīn*

Daripada keseluruhan karya beliau, dua manuskrip paling penting dalam koleksi PNM yang juga telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai Dokumen Warisan Dunia melalui Program Memory of the World ialah:

1. *Asrār al-Ārifīn* (MSS 1424 (B))(Rahsia Orang-orang Arif)

Karya ini menghuraikan perjalanan spiritual para wali yang telah mencapai peringkat makrifat tertinggi. Ia menyingkap pengalaman batin, limpahan cahaya ketuhanan, serta detik-detik spiritual yang sukar diterjemah ke dalam bahasa biasa. Karya ini membuktikan betapa Hamzah Fansuri berjaya mengangkat bahasa Melayu sebagai medium falsafah, intelektual dan kerohanian yang bertaraf antarabangsa. Dengan nilai sejarah, kesusasteraan dan kerohanian yang tinggi, manuskrip ini bukan sahaja penting kepada masyarakat Melayu, malah kepada dunia kerana ia menggambarkan tradisi intelektual Islam Nusantara yang unik.

2. *Syarāb al-Āsyiqīn* (MSS 2538)(Minuman Rohani Para Pencinta Ilahi)

Syarāb al-Āsyiqīn ialah karya tasawuf Hamzah Fansuri yang menghuraikan pengalaman cinta Ilahi dan perjalanan rohani para salik menuju makrifat. Melalui simbol “minuman rohani”, karya ini menjelaskan limpahan cahaya ketuhanan, konsep wahdat al-wujud serta penyatuan insan dengan hakikat Ilahi. Karya ini membuktikan ketinggian pemikiran tasawuf Nusantara dan peranan bahasa Melayu sebagai medium intelektual dan kerohanian bertaraf antarabangsa.

Peranan PNM: Pelestarian, Pendigitalan dan Diplomasi Budaya

Pengiktirafan ini tidak akan tercapai tanpa komitmen berterusan PNM menerusi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) sebagai institusi utama yang memelihara warisan dokumentari negara. PNM mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menguruskan koleksi warisan negara ini mencakupi fungsi dan peranan seperti berikut:


- Mengesan, memperoleh, dan membangunkan koleksi manuskrip Melayu dalam pelbagai bentuk, sama ada dari dalam atau luar negara;
- Mendokumentasikan dan menerbitkan katalog manuskrip Melayu dalam dan luar negara bagi membantu dan menyokong sumber rujukan penyelidikan;
- Menyediakan kemudahan untuk penyimpanan dan pemuliharaan manuskrip Melayu termasuk penyelenggaraan dan pendigitalan manuskrip Melayu
- Menyediakan kemudahan penyimpanan dan pemuliharaan manuskrip Melayu, termasuk penyelenggaraan serta pendigitalan agar ilmu yang terkandung di dalam khazanah warisan negara ini dapat diteroka dan dikaji secara lebih mendalam oleh masyarakat;
- Mempromosikan serta menyebarkan ilmu berkaitan manuskrip Melayu melalui penyelidikan, penerbitan, penganjuran program seperti persidangan, wacana manuskrip Melayu bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang nilai khazanah tulisan Melayu.
- Mengadakan kerjasama serantau dan antarabangsa, termasuk pencalonan bersama dengan institusi luar negara bagi memperkukuh kedudukan manuskrip Melayu di peringkat global.

Kesimpulan

Pengiktirafan UNESCO terhadap manuskrip Melayu karya-karya Hamzah Fansuri bukan sahaja mengangkat martabat karya-karya agung Melayu, tetapi juga membuktikan kemampuan PNM sebagai penjaga warisan dokumentari intelektual negara. Kejayaan ini turut memberi inspirasi baharu kepada usaha melestarikan khazanah intelektual Nusantara, selain mengukuhkan identiti budaya dan sejarah bangsa dalam arena dunia. Komitmen PNM tidak pernah surut untuk memastikan warisan Melayu akan terus dikenali, dihargai dan diraikan oleh generasi masa kini dan generasi mendatang.

Oleh:

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia



Sijil Memory of the World (MoW) bagi karya-karya Hamzah Fansuri oleh UNESCO



Manuskrip Melayu *Asrār al-Ārifīn*
MSS 1424 (B)



Manuskrip Melayu *Syarāb al-Āsyiqīn*
MSS 2538